

OUR REF. :
YOUR REF. : ISI/MyInovasi/12 ()

Ogos 2012

En. Robest Yong
Agensi Inovasi Malaysia
3501 Level 3, Quilt Building 3
Jalan Teknokrat 5
63000 Cyberjaya

En. Robest,

**PELANTIKAN SEBAGAI AHLI PANEL JURI
PROGRAM PERTANDINGAN MyINOVASI2012**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sedang menganjurkan **Program MyINOVASI2012** di bawah kendalian Sekretariat, Institute Sultan Iskandar (ISI), UTM. Pertandingan ini diadakan bertujuan bagi membudayakan daya kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar daripada pelbagai latar disiplin dan pengajian, seterusnya dapat memberikan impak dan manfaat secara langsung kepada masyarakat dan industri melalui pendekatan *grassroots innovations*.

Justeru itu, kami dengan sukacitanya melantik saudara sebagai salah seorang daripada 21 ahli panel juri untuk menilai hasil kerja pertandingan MyInovasi2012.

Untuk melaksanakan tugas di atas, saudara diperlukan hadir pada **26 dan 27 September (Rabu dan Khamis), jam 8.00 pagi – 6.00 petang** bertempat di **Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Semarak, Kuala Lumpur**; dan pada **1 dan 2 Oktober 2012 (Isnin dan Selasa), jam 8.00 pagi – 6.00 petang** bertempat di **Universiti Putra Malaysia (UPM)**. Proses dan kaedah penilaian akan dimaklumkan kepada saudara sebelum proses penilaian oleh pihak Sekretariat.

Penglibatan saudara ini akan diberi saguhati oleh pihak sekretariat seperti butiran berikut:

- a) Elaun Honorarium
- b) Kos tambang (tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi) atau perjalanan yang setara, termurah dan terdekat dan penginapan mengikut kelayakan, adalah ditanggung oleh pihak Sekretariat (bagi yang menetap di luar Kuala Lumpur dan bertugas di luar Kuala Lumpur)

Sila isikan borang lampiran penerimaan lantikan seperti yang dilampirkan dan kembalikan kepada pihak kami. Terima kasih.

INOVASI BERBUDI MASYARAKAT LESTARI

Yang benar,



Prof. Madya Dr. Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin
Sekretariat MyINOVASI2012

Institute Sultan Iskandar
Of Urban Habitat and Highrise
Level 4, Dewan Sultan Iskandar
Universiti Teknologi Malaysia
81300 Skudai, Johor

Fax: 07-5570020

Tuan,

**PELANTIKAN SEBAGAI AHLI PANEL JURI
PROGRAM PERTANDINGAN MYINOVASI2012**

Saya, seperti nama yang tercatat di bawah, menerima/tidak menerima* pelantikan sebagai Juri bagi program Pertandingan MyINOVASI2012.

Nama :

Tandatangan :

Lokasi Bertugas : **PIS / UPM / PSP / UMT / UMS / UNIMAS***

Tarikh :

** sila potong yang tidak berkenaan*